BAHAGIAN SUKAN, KOKURIKULUM DAN KESENIAN
Sports, Co-curricular and Arts Division
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
Ministry of Education
Aras 1, 2 & 7, Blok E13, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Telefon : +603 8884 1001 / +603 8884 1002
Laman Web : www.moe.gov.my

Ruj. Tuan:
Ruj. Kami: KPM.600-4/1/1 Jld.62 (4)
Tarikh : 28 September 2026

Dekan
Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
Persiaran Tun Dr. Ismail, Parit Raja
86400 Johor

Prof. Ts. Dr.,

PENGIKTIRAFAN MARKAH KOKURIKULUM PELIBATAN MURID DALAM PROGRAM *INNOVATION AND INVENTION COMPETITION 2026* ANJURAN FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK, UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas dan berkaitan juga dengan surat Prof. Ts. Dr. bertarikh 2 September 2026.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan melalui Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian (BSKK) mengucapkan tahniah atas usaha pihak **Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia** kerana telah memberi peluang kepada murid meningkatkan potensi diri serta menaikkan nama sekolah melalui penyertaan dalam pertandingan ***Innovation and Invention Competition 2026*** yang telah dilaksanakan pada **5 Ogos 2026.**

3. BSKK telah menerima serta meneliti laporan pelibatan murid bagi program yang dianjurkan. Sehubungan dengan itu, pengiktirafan pemarkahan yang diberikan ialah **Pelibatan II Peringkat Antarabangsa** bagi semua murid yang menyertai program berkenaan.

...2/-

4. Markah pengiktirafan ini hendaklah diambil kira dalam pemarkahan kokurikulum di bawah Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK). Bagi tujuan tersebut, pihak sekolah hendaklah merujuk kepada jadual penilaian markah PAJSK yang telah ditetapkan seperti di Lampiran A. Pihak penganjur perlu mengemukakan salinan surat pengiktirafan program beserta senarai murid terlibat kepada jabatan pendidikan negeri (JPN) dan sekolah yang berkaitan.

5. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini boleh diajukan kepada Unit Kelab dan Persatuan melalui talian **03-88841090** atau e-mel **ukp.bskk@moe.gov.my**.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(ITHNIN BIN MAHADI)
Pengarah
Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian
Kementerian Pendidikan

s.k.: Semua Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri

lzy/PAJSK2026/MyDoc2026

LAMPIRAN A

PENGIKTIRAFAN PELIBATAN DAN PENCAPAIAN KOKURIKULUM MURID DALAM PENILAIAN PENTAKSIRAN AKTIVITI JASMANI, SUKAN DAN KOKURIKULUM (PAJSK) KEMENTERIAN PENDIDIKAN

JENIS PELIBATAN

JENIS	TAFSIRAN
PELIBATAN I	i. Program pertandingan/kejohanan/perkhemahan/ kursus secara bersemuka dan mempunyai pemeringkatan. ii. Program pertandingan / kejohanan / perkhemahan / kursus secara dalam talian dan mempunyai pemeringkatan serta interaksi secara langsung.
PELIBATAN II	i. Program pertandingan/ kejohanan/ perkhemahan/kursus/ karnival secara bersemuka atau dalam talian dan tiada pemeringkatan. ii. Jawatankuasa pelaksana, petugas teknikal dan persembahan selingan. iii. Peserta lawatan luar negara
PELIBATAN III	i. Peserta program dalam talian yang bersifat pertandingan atau bukan pertandingan seperti program/ aktiviti yang tiada interaksi peserta secara langsung. ii. Pelibatan murid sebagai penyokong atau penonton

SKOR PELIBATAN

PERINGKAT	SKOR		
	Pelibatan I	Pelibatan II	Pelibatan III
Antarabangsa	20	15	10
Kebangsaan	17	12	8
Negeri	14	10	6
Bahagian (Sabah/Sarawak)	12	9	5
Zon/Daerah	11	8	4

SKOR PENCAPAIAN

ELEMEN	PERKARA	SKOR				
	PERINGKAT	Johan	Naib Johan	Ketiga	Keempat	Kelima
TAHAP PENCAPAIAN	Antarabangsa	20	19	18	17	16
	Kebangsaan	17	16	15	14	13
	Negeri	14	13	12	11	10
	Daerah	11	10	9	8	7
	Sekolah	8	7	6	5	4